



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	10 APRIL 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	'PRESTASI PENJAWAT AWAM CEMERLANG'		
M/S	2 (NASIONAL)	KATA KUNCI	PERFORMANCE
BIDANG	CIVIL SERVICE		



Jumaat, 10 April 2026 **BH**

Anwar pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan di Putrajaya, semalam. Turut sama Loke dan Shamsul Azri. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

'Prestasi penjawat awam cemerlang'

PM gesa lebih kakitangan proaktif jelaskan dasar bukan sekadar pertahan kerajaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Prestasi penjawat awam Malaysia amat membanggakan dan lebih baik berbanding negara jiran khususnya ketika negara berdepan krisis global yang mencabar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pencapaian ekonomi semasa negara yang memberangsangkan adalah hasil usaha kolektif seluruh jentera kerajaan bersama sektor swasta dan rakyat, bukan hanya bergantung kepada kepemimpinan tertinggi semata-mata.

"Angka terakhir Bank Negara Malaysia dua minggu lalu metakkan prestasi kita sangat baik, lebih baik daripada yang kita unjurkan.

"Pertumbuhan ekonomi lebih baik, pelaburan paling tinggi dalam sejarah, inflasi antara yang terendah dan kekuatan ringgit antara prestasi terbaik di Asia.

"Itu semua angka yang baik kerana kekuatan penjawat awam, sektor swasta, golongan pekerja dan petani yang bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Pe-

ngangkutan, Anthony Loke dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Walaupun negara berdepan kesan daripada krisis global termasuk konflik antarabangsa, Perdana Menteri menegaskan, prestasi Malaysia kekal kukuh hasil komitmen tinggi penjawat awam yang bekerja bersungguh-sungguh.

Anwar mengakui menyaksikan dedikasi tinggi dalam kalangan pegawai kerajaan yang sanggup bekerja keras bagi memastikan setiap dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Kita bersyukur, walaupun tidak berhenti kritik terhadap orang politik dan penjawat awam, kita tak boleh nafikan di negara ini, prestasi penjawat awam umumnya sangat baik keimbang negara lain.

"Jadi, jangan kita lupa. Jangan kita asyik berleter seharian mengenai masalah. Masalah itu ada, tetapi perhatikan juga mengenai prestasi yang kita dilakukan," katanya.

Beliau turut menggesa penjawat awam berperanan lebih proaktif dalam menyampaikan maklumat dan pandangan kepada rakyat dan bukan bertujuan mempertahankan kerajaan semata-mata.

"Penjawat awam harus turun menjelaskan. Bukan soal mempertahankan Perdana Menteri atau menteri ataupun kerajaan, tetapi menyatakan hak dan memberi pandangan balas jika ada perkara yang tidak disenangi atau perlu diusulkan," katanya.

Jaringan persahabatan

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, hubungan baik Malaysia pada peringkat antarabangsa terus menjadi aset penting dalam menjaga kepentingan nega-

ra, terutama ketika berdepan konflik global.

Tegasnya, jaringan persahabatan dengan pemimpin dunia membolehkan Malaysia berperanan lebih berkesan dalam menangani isu antarabangsa dan membantu kepentingan rakyat.

Sebagai contoh, katanya, hubungan Malaysia dengan Iran memastikan kepentingan negara termasuk laluan kapal dagang Malaysia terus terpelihara.

"Dalam perbincangan saya dengan Presiden Iran, apabila saya sebut mengenai kapal Malaysia termasuk kapal PETRONAS, beliau memberi jaminan akan mengarahkan segala yang perlu dilakukan bagi membolehkan kapal kita melalui Selat Hormuz dilaksanakan segera," katanya.

Anwar berkata, pendekatan sama turut digunakan dalam hubungan rapatnya dengan Presiden Mesir, Abdel Fattah el-Sisi, dimanfaatkan untuk memastikan bantuan kemanusiaan Malaysia dapat disalurkan dengan lancar ke kawasan bergolak.

"Saya gunakan persahabatan itu untuk bercakap, bukan sahaja mengenai peperangan, tetapi juga bantuan kemanusiaan. Saya beritahu ada 30 kontena bantuan Malaysia di Mesir dan minta laju ke Rafah.

"Beliau memberi jaminan sebaik sahaja bantuan itu tiba, jentera mereka akan digerakkan untuk membantu," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu mengekalkan hubungan baik dengan semua negara termasuk di rantau ASEAN, China dan Amerika Syarikat (AS) tanpa mengorbankan prinsip.

"Yang kita setuju, kita kata setuju. Yang tidak setuju, kita kata tidak setuju, tetapi persahabatan itu penting untuk menjaga kepentingan negara," katanya.